

BINTANG JOHOR UNTOK D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia telah balek ka-tanah ayer pada 13 haribulan ini dari Johor (Malaya) sa-telah hadir dalam istiadat kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sir Ismail dan Sultanah Johor, Ungku Tun Aminah.

Baginda telah berada di-Johor sa-lama lima hari dari 9 February.

Baginda telah balek membawa bintang kebesaran Johor, Darjah Kerabat pangkat pertama (D.K.).

Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi ka-Johor oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan Juruiring Tambahan, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Haji Ismail.

Bintang itu telah di-kurniakan kapada baginda sa-bagai balasan anugerah bintang S.P.M.B. kapada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang telah datang ka-Brunei dalam bulan September 1958, sa-bagai Pemangku Raja Johor.

Duli Yang Maha Mulia itu datang kerana menghadiri istiadat keputeraan baginda dan perayaan pembukaan Masjid Omar Ali Saifuddin.

Sa-masa baginda meninggalkan tanah ayer, kawaiipan2 baginda telah di-jalankan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Duli Pengiran Bendahara telah di-lantek menjadi Pemangku Raja oleh Majlis Meshuarat Diraja.

HUKUMAN DENDA GANTI PENJARA

BANDAR BRUNEI — Hukuman penjara yang telah di-jatohkan ka-atas Kevin Arthur Duffy, sa-orang saudagar British oleh Magistrate Tuan R. G. P. N. Combe telah di-ubah kapada hukuman denda oleh Tuan Hakim G.G. Briggs.

Duffy telah di-dapati salah membawa kereta dengan tiada chermat pada 8 December lepas.

Beliau telah menjatohkan hukuman denda sa-banyak \$500 dan melarang Duffy memandu kerta sa-lama tiga tahun.



Lord Selkirk, Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia berjabat tangan dengan Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana. Datang bersama ka-Istana ia-lah Lady Selkirk dan Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White.

Lord Selkirk telah menginap di-rumah Pesuruh Jaya Tinggi sa-lama berada di-Brunei.

WAKIL BRITISH TEGASKAN KEWAJIPAN BRITAIN

BANDAR BRUNEI — Yang Amat Berhormat the Earl of Selkirk, Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia berkata bahawa tanggung jawab United Kingdom terhadap Brunei ia-lah menjamin supaya negeri ini mewah dan selamat.

Beliau berkata demikian dalam satu ucapan menerusi Radio Brunei sa-belum berlepas dari negeri ini sa-telah melawat sa-lama empat hari dari 8 February ini.

Lord Selkirk berkata bahawa chita2 Britain dan ra'ayat British ia-lah hendak melihat Brunei mendapat kemewahan dan tanggung jawab Britain ia-lah menjamin keselamatan Negeri Brunei.

Sa-lanjut-nya Lord Selkirk telah memberi pandangan berkenaan dengan sifat2 yang sama pada ra'ayat Negeri Brunei dan ra'ayat British.

Ra'ayat kedua buah negeri itu, kata Lord Selkirk, sangat suka pada laut dan ini ada-lah satu rupa perhubungan antara Britain dengan Brunei pada masa ini.

Dalam ucapan itu Lord Selkirk telah menyebut pertemuannya dengan Duli Yang Maha Mulia di-Istana Darul Hana pada hari beliau sampai di-Brunei.

"Ada-lah jelas bahawa Duli Yang Maha Mulia sangat mengambil berat tentang kebajikan

dan kemajuan ra'ayat baginda untok masa hadapan," kata Lord Selkirk.

Berkenaan tempat2 yang di-lawati-nya sa-masa di-Brunei Lord Selkirk telah memuji bentok benaan Masjid Omar Ali Saifuddin.

"Masjid itu sangat indah dan tiada banding-nya dalam dunia ini," kata Lord Selkirk.

Lord Selkirk telah juga memuji usaha sharikat minvak Shell mengadakan sa-buah sekolah pertukangan di-Seria.

"Sekolah itu memberi peluang kapada pemuda2 dari negeri2 Borneo British untok mendapat latehan yang sama baik-nya di-dapati di-negeri2 yang lebeh maju dari segi perusahaan.

Sekolah pertukangan itu, kata Lord Selkirk, ada-lah chukup dengan kelengkapan-nya dan darjah pelajaran di-situ ada-lah tinggi.

Lord Selkirk perchaya bahawa latehan yang di-dapati dari sekolah pertukangan Shell itu ada-lah sa-rupa baik-nya dengan sekolah2 pertukangan besar yang lain.

Perubahan masa bekerja bulan puasa

BANDAR BRUNEI. — Masa bekerja di-pejabat2 kerajaan di-seluruh negeri akan di-ubah dalam bulan puasa yang akan datang ini.

Kaki tangan kerajaan akan di-kehendaki datang ka-pejabat masing2 pada pukul 8 pagi dan akan terus bekerja sa-hingga pukul 2.30 petang.

Hari bekerja ia-lah dari hari Ithnin hingga Khamis dan hari Sabtu. Hari Juma'at dan Ahad ada-lah hari kelepasan saperti biasa.

Tarikh memegang puasa akan di-umumkan kelak.

3 ARKITEK PERHATIKAN MESJID

BANDAR BRUNEI — Tiga orang arkitek Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah datang ka-Brunei dalam bulan ini untok memerhatikan bentok Masjid Omar Ali Saifuddin.

Pegawai2 itu ia-lah Inche Ikmal Hisham Albakri, Inche Baharudin bin Abu Kassim dan Tuan H.L. Ashley, dan telah berada di-sini beberapa hari.

Mereka itu memerhatikan bentok masjid Brunei untok di-jadikan tuladan dalam pembinaan Masjid Negara Persekutuan Tanah Melayu yang akan di-dirikan di-Kuala Lumpur.

Masjid Negara itu akan memakan belanja sa-banyak \$5,000,000 kelak.

Kunjongan dua M.P.

BANDAR BRUNEI — Dua orang ahli parlemen Persekutuan Tanah Melayu akan hadir dalam kongres tahunan Parti Ra'ayat Brunei yang akan di-adakan di-adakan di-sini pada hari Juma'at hadapan ini.

Mereka itu ia-lah Inche Ahmad Boestaman dan Dr. Burhanuddin Al-helmy.

Tawaran2 kerja kapada buroh kasar di-Brunei

BANDAR BRUNEI—Sa-banyak 164 kerja kasar ada-lah di-umumkan kosong di-beberapa buah ladang getah dan sharikat2 kilang papan di-seluruh negeri.

Pengumuman yang di-buat oleh Pejabat Buroh Brunei tentang kerja2 kosong itu menegaskan bahawa kerja2 tidak boleh di-dapati dari sharikat minyak Shell atau kerajaan.

Satengah2 majikan yang menawarkan kerja kapada anak2 negeri itu ada menyediakan tempat tinggal untuk pekerja2. Gaji yang akan di-bayar ia-lah antara \$4 dan \$5 sa-hari.

Kebanyakan kerja2 kosong itu ada-lah diladang getah di-daerah Temburong untuk penureh2 getah para dan getah jelutong.

Bee Seng Rubber Estate berkehendakkan 25 orang penureh getah dengan gaji dari \$4 hingga \$5 sa-hari. Sharikat ini tidak menyediakan tempat tinggal.

Chop Aik Thye Estate pula menawarkan kerja kapada 25 orang penureh dengan gaji yang sa-rupa itu juga. Tempat tinggal tidak di-sediakan.

Pendaftaran basikal

SERIA. — Satu rombongan pendaftaran basikal telah datang kini pada hari Ithnin lepas untuk mendaftarkan basikal2 di-daerah ini bagi tahun ini. Pendaftaran sedang di-jalankan di-balai polis, Seria.

Rombongan itu terdiri dari kaki tangan pejabat kenderaan darat, Kuala Belait. Mereka akan menjalankan tugas mendaftar sahingga 27 February.

Masa mendaftarkan basikal2 ia-lah dari pukul 8 pagi sampai 12 tengah hari dan pukul 1.30 petang hingga 3 petang tiap2 hari bekerja.

Harga dagangan

Pengelola Kastam Brunei telah menetapkan kerana pembayaran cukai harga2 yang berikut mulai 15 February:

Lada puteh \$356.22 sa-pikul, lada hitam \$237.35 sa-pikul dan buah kawang \$74.09 sa-pikul.

Penureh2 jelutong sa-ramai 30 orang ada-lah di-kehendaki oleh Labu Estate dan 30 orang penureh lagi oleh Temburong Estate dengan gaji antara \$4 dan \$5 sa-hari dan tempat tinggal.

Buroh kasar ada-lah juga di-kehendaki oleh kilang2 papan Hip Hong di-Badas, Seria, dan Sin Fook Lee di-Kuala Belait.

Tempat tinggal di-sediakan oleh Hip Hong.

Tukang2 kayu ada-lah di-kehendaki oleh Chow Kwai, Jalan Sultan dan Fung Fock Choon, Jalan Berakas Brunei. Kedua2 majikan ini tidak mengadakan tempat tinggal.

Sa-lain dari kerja2 kosong yang di-umumkan itu sa-banyak 377 kerja lagi boleh di-penohkan oleh anak2 negeri yang berkelayakan.

Kerja2 itu sekarang di-penohkan oleh pekerja2 dari luar negeri. Mereka itu bekerja dengan 64 majikan di-seluruh negeri.

Untuk menyenangkan pemohon2 mendapatkan kerja2 yang di-tawarkan itu mereka ada-lah di-minta berhubung terlebih dahulu dengan Pejabat Buroh, Bandar Brunei.

Saudagar di-denda kerana salah melarikan cukai

BANDAR BRUNEI—Sa-orang China, Ho Cheng Piaw, telah di-denda lebih \$4,000 jika tidak di-bayar di-hukum penjara selama sa-tahun kerana melarikan cukai barang2.

Ho telah di-bicarakan di-mahkamah Bandar Brunei di-hadapan Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe. Inche Shaari bin Idri telah menda'wa.

Ho telah mengaku salah.

Ho di-katakan telah menchuba menyeludupkan barang2 itu pada

MAJLIS KESELAMATAN JALAN ANJORKAN GERAKAN PEMANDU
KUALA BELAIT. — Lembaga Keselamatan Jalan Raya Daerah Belait akan menjalankan satu gerakan: "Jadi-lah sa-orang pemandu kereta yang baik" dalam bulan hadapan.
 Gerakan itu akan mendapat kerjasama yang penoh dari Brunei State Motor Club dan akan di-langsungkan pada 29 March.
 Gerakan tersebut akan di-lancarkan dengan ranchangan memandu dengan hormat yang di-chadangkan oleh motor club tersebut.
 Sa-buah perisai dan beberapa buah mangkok perak akan di-hadiahkan oleh Lembaga Keselamatan Jalan Raya Belait untuk peraduan ini.
 Ranchangan memandu dengan hormat itu terbuka kapada pemandu2 kereta, penunggang2 motosikal dan scooter. Bayaran masuk tidak di-kenakan.

Rundingan menubuhkan sharikat perkapalan Belait-Hongkong

KUALA BELAIT — Perundingan sedang di-jalankan di-sini antara suatu sharikat perniagaan Eropah dengan suatu sharikat China berkenaan dengan chadangan mengadakan perkhidmatan kapal antara Kuala Belait dengan Hongkong.

Jika persetujuan tercapai dua buah kapal mungkin berulang alek antara kedua buah pelabuhan itu membawa barang2 buatan Hongkong ka-Kuala Belait dan balak dan kayu dari Brunei ka-Hongkong.

Balak2 itu akan di-muatkan di-Kuala Belait dan yang demikian akan mengurangkan perbelanjaan membawa-nya dengan lori dari Bandar Brunei.

Pelayaran mungkin di-adakan dua kali sa-bulan.

Peratoran yang di-chadangkan itu tidak berkehendakkan barang2 di-punggah di-Labuan seperti yang sudah2. Ini bermaana harga barang akan turun oleh sebab bayaran punggah memunggah tidak di-kenakan lagi.

Yang di-Pertua Palang Merah

BANDAR BRUNEI — Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi British bagi Brunei, Tuan D.C. White telah di-lantek oleh Baginda Queen menjadi yang di-pertua Persatuan Palang Merah British, chawangan Brunei.

Lantekan itu terkandung dalam surat tauliah yang baharu diterima oleh Tuan White. Tuan White menggantikan Puan R.E. Hales yang telah bersara dari perkhidmatan-nya.

Chawangan Persatuan Palang Merah British di-Brunei terdiri dari bahagian2 Kuala Belait-Seria dan Bandar Brunei.

PILEHAN MASOK SEKOLAH SHELL

SERIA. — Lima belas orang murid dari Brunei mungkin diterima masok ka-sekolah pertukangan sharikat minvak B.S.P. Seria 4 April hadapan ini.

Murid2 itu akan di-interview oleh satu rombongan yang terdiri dari 4 orang pegawai2 latehan sharikat tersebut.

Sa-lain dari murid2 dari Brunei sharikat itu juga akan menerima 5 orang murid dari Sarawak dan 5 dari Borneo Utara.

Murid2 yang banyak memasoki sekolah pertukangan itu akan di-chadangkan nama-nya oleh pejabat pelajaran bagi negeri2 masing2.

21 December lepas. Ia telah datang ka-Brunei dengan sa-buah motobot-nya dari Labuan pada pagi2 hari tersebut.


Chukai atas barang2 yang dibawa-nya itu berjumlah \$700 jika di-bayar.

Tatkala menjatuhkan hukuman, Tuan Combe berkata bahawa denda itu ia-lah yang ringan sa-kali dapat di-jatohkannya ia-itu enam kali ganda chukai yang patut di-bayar atas barang2 tersebut.

Kampung Sungai Pandan

BANDAR BRUNEI — Kampung Sungai Kuyok sa-buah kampung di-Kampung Ayer, Bandar Brunei sekarang di-kenal dengan nama Kampung Sungai Pandan.

Perubahan nama itu telah di-buat dengan kehendak penduduk2 kampung itu sendiri. Keputusan itu telah di-sampaikan kapada Pegawai Daerah Brunei.



Pemandangan dalam kelas sains S.O.A.S. College, Bandar Brunei. Kolej itu telah di-lawati oleh Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia, Yang Amat Berhormat Lord Selkirk dalam masa lawatan beliau ka-Brunei dalam minggu lepas.

PERCHUBAAN TERNAKAN IKAN UNTOK DI-JADIKAN SATU MATA PENCHARIAN

GERAK menjamin kechukupan makanan dari segi pengeluaran ikan di-masa hadapan ada-lah sedang dalam perchubaan di-suatu kawasan perchubaan tanaman pejabat tanaman Negeri Brunei.

Perchubaan ini di-jalankan walaupun pun hasil pengeluaran ikan laut negeri ini akan memuaskan keperluan penduduk2 sa-hingga beberapa tahun lagi.

Perchubaan yang di-jalankan di-kawasan perchubaan tanaman di-Kilanas itu menganjorkan ternakan ikan darat yang berasal dari Negeri China.

KETEGASAN PERCHUBAAN

Ikan2 itu di-pelihara dalam kolam2 yang telah di-bena khas kerana tujuan tersebut dan di-jadikan tuladan kepada orang2 kampung yang melawat ka-Kilanas.

Ketegasan dari perchubaan itu ia-lah petani2 negeri ini boleh dengan sambilan mengadakan satu mata pencharian sa-lain dari perusahaan2 yang biasa di-jalankan di-kampung2.

Mereka itu hanya di-perlukan membena kolam2 kechil di-kawasan kampung yang di-isi dengan anak2 ikan yang sesuai di-pelihara dan baik di-jadikan makanan.

Ikan2 yang di-chuba ternak di-Kilanas itu ia-lah ikan2 tongsan yang di-namakan Chow Hu, Twa Taw Song, Lee Koh Peh Lin dan Leng Chee.

Anak2 ikan tersebut mula2nya di-bawa ka-Brunei dalam tahun 1955 apabila 300 ekor anak ikan jenis Chow Hu di-datangkan dari Singapura.

Jenis ini telah di-pileh kerana di-fikirkan senang memelihara-nya oleh sebab ia berkehendakkan rumput sahaja sa-bagai makanannya.

Pejabat itu telah membawa masuk 288 ekor anak ikan lagi sa-tahun sa-lapas itu, tetapi kebanyakan anak2 ikan itu telah mati dalam perjalanan dari Singapura ka-Brunei.

PERCHUBAAN PERMULAAN

Dari sa-jumlah 588 ekor anak ikan yang di-bawa dari Singapura dalam tahun 1955 dan 1956 itu hanya 6 ekor sahaja yang hidup sampai besar.

Sungguh pun perchubaan permulaan ini menempoh kegagalan, tetapi ternakan ikan itu terus di-jalankan dan di-tambah dengan jenis2 lain.

Dalam tahun 1958 pejabat tanaman telah membeli sa-lain dari anak2 Chow Hu, empat jenis anak ikan tongsan lain ia-itu Twa Taw Song, Lee Koh, Peh Lin dan Leng Chee dari penjual2 akan ikan tongsan di-Singapura.

Tujuan menambah jenis2 ikan yang di-pelihara itu ia-lah untuk mengetahui jenis mana yang se-

suai dengan keadaan2 di-negeri ini.

Dalam perchubaan yang di-jalankan oleh pejabat tanaman itu satu dari sebab2 mengapa ikan2 tongsan itu tidak biak dengan sa-chukup-nya di-negeri ini ia-lah keadaan ayer di-negeri ini tidak sesuai dengan ikan2 tersebut.

Ayer gabut yang di-sebabkan oleh tanah hitam yang di-dapati di-mereta2 negeri ini khas-nya menghalang perkembangan pen-ternakan ikan tongsan.

Antara 1,100 ekor anak ikan yang dibawa dalam tahun itu 600 ia-lah dari jenis Twa Taw Song, 200 Chow Hu, 100 Peh Lin, 100 Leng Chee dan 100 Lee Koh.

Anak2 ikan itu telah di-masokkan ka-dalam sa-buah kolam semen kechil oleh sebab pada masa sampai-nya anak2 ikan itu di-fikirkan maseh kechil lagi untuk di-lepaskan ka-dalam kolam yang lebeh besar.

Sa-minggu kemudian baharu-lah anak2 ikan itu di-pindahkan ka-dalam kolam2 besar tetapi oleh sebab terlalu banyak telah di-masokkan kadalam kolam semen tadi, banyak pula yang telah mati.

HIDUP DENGAN BAIK

Ikan2 itu hidup dengan baik-nya sa-telah di-pindahkan ka-kolam2 yang lebeh luas dan sa-tahun kemudian 128 ekor Twa Taw Song, 66 Chow Hu, 16 Peh Lin, 69 Leng Chee dan 4 ekor Lee Koh di-dapati hidup apabila di-hitong.

Ikan2 tongsan hidup sa-hingga beberapa kati berat-nya dalam sedikit masa sahaja.

Ikan2 yang di-pelihara dalam

kolam2 yang di-sebutkan tadi telah bertambah berat hampir 2 paun atau 1½ kati dalam masa sa-tahun bagi jenis Chow Hu.


Jenis2 lain ia-itu Twa Taw Song, Lee Koh, Leng Chee dan Peh Pin tidak-lah bagitu deras besar-nya saperti Chow Ho.

Berikutan dengan kematian anak2 ikan yang mula2 di-lepaskan dalam kolam semen itu satu penyiasatan telah di-jalankan oleh pejabat tanaman untuk menentukan sama ada ikan2 itu telah mati di-sebabkan oleh kesempitan tempat atau lain2 sebab.

Pejabat itu berpendapat baha-wa ikan2 itu telah mati kerana

kekurangan udara oxygen bukan-nya di-sebabkan oleh kesempitan tempat.


Ayer dalam kolam semen itu tidak bagitu lekas mendapat udara oxygen saperti ayer dalam kolam2 biasa. Ikan2 itu harus juga (Lihat muka 7)




Suatu jenis ikan tongsan yang di-namakan ikan Li Koh.



Sa-orang kaki tangan pejabat tanaman kelihatan sedang menabor-kan rumput makanan ikan2 yang di-pelihara di-Kilanas.



Ikan jenis Chow Hu yang telah di-beli dari Singapura tetapi berasal dari Negeri China.



Ikan2 itu di-pelihara dalam Kolam2 yang telah di-bena khas. Gambar di-atas menunjukkan dua buah kolam tempat memelihara ikan di-Kilanas.

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI SA-PENOH-NYA

Perlembagaan Negeri Brunei mensyaratkan antara lain2 penubuhan suatu Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang ahli2-nya di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia.

Surohanjaya itu di-beri kuasa menasihatkan Duli Yang Maha Mulia tentang menjalankan kuasa melantek, menukar, menaikkan pangkat, membuang kerja atau menjalankan kuasa tata tertib ka-atas pegawai2 kerajaan.

Perlembagaan itu sa-terusnya berbunyi :—

65. (1) Terta'alok kepada cherai-an (2), wang2 tiada boleh di-keluarkan dari kumpulan wang yang di-satukan, melainkan jika wang itu telah :—

(a) Di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang di-satukan;

(b) Di-benar di-keluarkan oleh undang2 perbekalan, atau

(c) Di-benar di-keluarkan di-bawah bab 63.

(2) Cheraian (1) tidak terpakai kepada wang yang tersebut dalam cheraian (3) bab 60.

(3) Wang2 tiada boleh di-keluarkan dari kumpulan wang yang di-satukan kecuali sa-chara yang di-benarkan oleh undang2.

66. (1) Sa-orang pemeriksa kira2 negeri hendaklah di-lantek oleh Sultan.

(2) Sa-orang yang telah memegang jawatan pemeriksa kira2 negeri boleh di-lantek sa-mula, tetapi tiada boleh sa-masa memegang jawatan itu di-lantek memegang lain2 jawatan dalam perkhidmatan negeri.

(3) Pemeriksa kira2 negeri itu boleh pada bila2 masa meletakkan jawatan-nya, tetapi tiada boleh di-buang dari jawatan-nya kecuali dengan sebab dan dengan chara yang sama dengan ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

(4) Pembentuk undang2 hendaklah menentukan gaji pemeriksa kira2 negeri itu dan gaji itu adalah di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang di-satukan.

(5) Gaji dan lain2 syarat jawatan, termasuk hak2 penchen, bagi pemeriksa kira2 negeri tiada boleh di-ubah bagi merugikan-nya sa-lepas dia di-lantek.

(6) Terta'alok kepada bab ini syarat2 dan keadaan2 perkhidmatan bagi pemeriksa kira2 negeri hendaklah di-tetapkan oleh Sultan.

67. (1) Kira2 negeri hendaklah di-periksa serta di-laporkan oleh pemeriksa kira2 negeri itu pemeriksa itu dan kaki tangan-nya pada bila2 masa pun berhak melihat dan membaca sakalian buku, kertas, surat2 dan lain2 berkenaan dengan kira2 itu.

(2) Pemeriksa kira2 negeri hendaklah melakukan lain2 kewajipan serta menjalankan kuasa berhubungan dengan kira2 negeri dan kira2 penguasa dan badan2 yang lain yang mentadbir wang yang ramai sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh mana2 undang2 bertulis.

68. Pemeriksa kira2 negeri hendaklah mempersembahkan laporan2-nya kepada Sultan dan Sultan hendaklah menyebabkan laporan2 itu di-bentangkan di-hadapan Majlis Meshuarat Negeri.

69. Bahagian ini tiada mengena hasil2 dan wang2 fund Uguai Islam.

70. Kechuali jika lain di-sebutkan dalam perlembagaan ini, maka tiap2 orang yang memegang jawatan dalam perkhidmatan kerajaan

negeri akan memegang jawatan itu chuma sa-lama yang di-sukai oleh Sultan.

71. (1) Hendaklah ada suatu Surohanjaya bagi perkhidmatan awam yang mengandungi sa-orang pengerusi dan empat orang lain yang di-lantek oleh Sultan.

(2) Terta'alok kepada cheraian (3), maka tiap2 orang yang di-lantek menjadi ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam itu hendaklah memegang jawatan sa-lama tempoh tiga tahun dari tarikh lantek-nya, melainkan dia meluchut jawatan-nya atau di-berhentikan dari jawatan itu lebeh awal, tiap2 ahli itu boleh di-lantek sa-mula.

(3) (a) Terta'alok pada fasal (b), ahli Surohanjaya bagi Perkhidmatan Awam boleh di-berhentikan dari jawatan-nya oleh Sultan.

(b) Ahli Surohanjaya bagi Perkhidmatan Awam boleh di-berhentikan dari jawatan-nya chuma jika dia tidak upaya menjalankan kewajipan2 jawatan-nya (oleh sebab keuzuran badan atau kelemahan akal atau oleh sebab yang lain), atau jika dia berkelakuan tidak baik dan tiada boleh dia di-berhentikan, melainkan perkara-nya telah di-sisat oleh sa-orang yang memegang atau telah memegang jawatan hakim tinggi di-mana2 negeri dalam Commonwealth yang khas di-lantek oleh Sultan untuk penyiasatan itu dan orang itu menasihatkan supaya ahli itu di-berhentikan.

(c) Sultan dalam Majlis Meshuarat boleh dari masa ka-satu masa membuat, meminda atau memansuhkan peratoran2 berkenaan dengan chara yang mesti di-ikuti pada masa menyiasat apa2 perkara di-bawah cheraian ini dan boleh jua menetapkan bayaran yang akan di-bayar kepada orang yang di-lantek di-bawah fasal (b). Bayaran itu akan di-kenakan kepada kumpulan wang yang di-satukan.

(4) Sultan boleh membenarkan mana2 ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam berchuti dan boleh melantek ahli sementara bagi menggantikan-nya sa-masa percutian tersebut.

(5) Peratoran pekerjaan bagi Surohanjaya Perkhidmatan Awam akan di-tetapkan oleh Surohanjaya itu dengan terta'alok kepada mana2 peratoran yang di-perbuat di-bawah bab 75.

(6) Bagi maksud penggal IX dari undang2 penal code, ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam itu adalah di-sifatkan sa-bagai pegawai kerajaan.

72. Hendaklah ada sa-orang setiausaha kepada Surohanjaya Perkhidmatan Awam yang di-lantek oleh Sultan.

73. Tiap2 orang yang di-lantek menjadi ahli Surohanjaya Perkhidmatan Awam itu akan di-bayar gaji atau allowance atau kedua2-nya yang di-tetapkan oleh pembentuk undang2; dan semua gaji dan allowance yang tersebut hendaklah di-kenakan ka-atas kumpulan wang yang di-satukan.

74. (1) Kuasa melantek, menukar, menaikkan pangkat, memecat atau mengakhimkan tentang tata tertib pegawai2 kerajaan adalah dengan ini di-letakkan di-dalam tangan Sultan.

(2) Dalam menjalankan kuasa yang di-beri kepada-nya oleh cheraian (1) itu Sultan mesti-lah, kecuali berkenaan dengan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan, pegawai2 sebarang laut dan pegawai2 yang di-tentukan oleh Sultan dalam Majlis Meshuarat Kerajaan dengan

siaran dalam Warta Kerajaan, dan jika peratoran2 di-bawah bab 75 itu mensyaratkan berlainan berunding dengan dan menurut nasihat Surohanjaya Perkhidmatan Awam.

(3) Kandungan bab ini tidak mengubah mana2 undang2 bertulis berkenaan dengan ahli2 tentera bersenjata, polis atau ahli2 perkhidmatan penjara.

75. Sultan dalam majlis meshuarat boleh membuat peratoran :—

(a) Berkenaan dengan chara Surohanjaya Perkhidmatan Awam menjalankan pekerjaan2-nya ;

(b) Berkenaan dengan penjalanan oleh Surohanjaya Perkhidmatan Awam atau oleh lain2 orang terta'alok kepada syarat2 yang di-letakkan, ia-itu penjalanan mana2 kuasa yang di-beri kepada Sultan oleh bab 74 dan peratoran2 itu boleh juga menyatakan bahawa orang2 tersebut itu akan bebas daripada sekatan2 yang di-letak oleh cheraian (2) dalam bab 74.

76. Apabila di-fikir-nya patut, maka bolehlah Sultan bertitah supaya mana2 orang yang dalam perkhidmatan kerajaan negeri mengangkat sumpah atau membuat pengakuan kesetiaan seperti yang di-adakan dalam borang VI dalam jadual dan menanda tangani-nya di-hadapan Sultan sendiri atau orang yang di-lantek oleh-nya.

77. Sultan dalam majlis meshuarat hendaklah membuat peratoran2 kerana menjalankan mana2 perjanjian di-antara Kerajaan Seri Baginda Queen United Kingdom dan Sultan berhubung dengan syarat2 perkhidmatan pegawai2 sebarang laut; dan syarat2 di-dalam bahagian ini akan di-pakai berhubung dengan pegawai2 sebarang laut terta'alok kepada sebarang peratoran yang tersebut.

78. Dalam bahagian ini, "pegawai sebarang laut" bermanna pegawai (sa-lain dari pegawai yang telah di-shorkan oleh Setiausaha berkhidmat sa-chara contract dengan kerajaan Negeri Brunei) yang Negara kerana berkhidmat dengan kerajaan negeri menurut mana2 perjanjian dengan Sultan.

79. Hendaklah Sultan menyimpan dan memakai Mohor Kerajaan bagi menguchap semua surat yang mesti di-chap dengan mohor itu; dan sa-belum mohor itu di-adakan, chap yang mengandungi perkataan "Negeri Brunei Mohor Kerajaan" boleh di-pakai sa-bagai Mohor Kerajaan.

80. (1) Sultan boleh pada bila2 masa dalam tempoh dua tahun sa-lepas perlembagaan ini di-siarkan dalam Warta Kerajaan membuat perintah jika pada fikiran-nya perlu atau patut, dengan maksud menjadikan surat2 perintah yang ada sekarang sa-chuchok dengan perlembagaan ini atau kerana memberi kesan atau membolehkan kesan di-beri kepada perlembagaan ini; dan khas-nya tetapi dengan tidak mengurangkan keumuman kuasa yang dahulu itu, maka Sultan boleh dengan perintah2 tersebut :—

(a) Mengubah, menambah atau mensesuaian kandungan mana2 surat2 perintah yang ada sekarang yang menyebutkan dalam sa-barang perkataan, Sultan dalam Majlis Meshuarat, State Council atau Council of State ;

(b) Memindahkan kepada orang lain atau penguasa lain sa-bagaimana yang di-nyatakan oleh perintah2 yang tersebut, pekerjaan2, kuasa2 dan kewajipan2 yang di-beri atau di-kenakan oleh surat2 perintah yang ada sekarang kepada mana2 orang atau penguasa.

(c) Terus membuat lantekan yang baginda berkuasa membuat di-bawah bahagian VI sa-olah2 perlembagaan ini telah berjalan kuat kuasa-nya dan boleh juga pada bila2 masa sa-lepas lantekan tersebut terus membuat lantekan di-bawah bab II sa-olah bab dan bahagian VI itu telah berjalan kuat kuasa-nya dan lantekan yang di-buat di-bawah bahagian VI itu telah berjalan kuat kuasa-nya; tetapi kecuali sa-besapa yang perlu untuk memberi kesan kepada cheraian ini, lantekan yang di-buat menurut cheraian ini tiada akan berkuasa sa-belum bahagian VI berkuat kuasa;

(d) Membuat peratoran kewangan termasuk sa-belum di-buat undang2 di-bawah cheraian (1) bab 64 mengadakan kumpulan wang yang bernama fund gegasan (Contingencies Fund);

(e) Menentukan peratoran dan chara2 bagaimana kira2 negeri akan di-periksa serta jua kira2 lain2 pertubuhan yang mengurus wang ramai, dan sa-belum ditentukan oleh Majlis Meshuarat Negeri di-bawah cheraian (4) bab 66, menentukan gaji pemeriksa kira2 negeri;

(f) Sa-belum di-tentukan oleh Majlis Meshuarat Negeri di-bawah bab 73, menentukan gaji ahli2 Surohanjaya Perkhidmatan Awam;

(g) Membuat Menteri Besar sa-bagai lembaga (corporation) supaya boleh dia memegang atau melepaskan harta yang boleh bergerak dan yang tiada boleh bergerak, sa-bagai lembaga itu bagi pehak negeri dan supaya harta2 yang boleh bergerak dan yang tidak boleh bergerak yang pada masa ini di-pegang bagi pehak negeri oleh lain2 orang dan badan boleh di-tukarkan pada nama-nya sa-bagai lembaga itu;

(h) Menentukan peratoran dan chara2 bagaimana rayuan boleh di-persembahkan kepada Sultan dalam majlis meshuarat;

(i) Sa-belum di-buat oleh Majlis Meshuarat Negeri membuat undang2 kera'ayatan;

(j) Membuat peratoran kerana pemilihan ahli2 yang di-pilih bagi Majlis Meshuarat Negeri termasuk (dengan tidak mengurangkan keumuman kuasa yang terdahulu, tetapi terta'alok kepada perlembagaan ini) perkara2 yang berikut, ya ni :—

(i) Kelayakkan pengundi2;

(ii) Pendaftaran pengundi2;

(iii) Menentukan kelayakkan2 chalon2 yang hendak bertanding;

(iv) Chara dan waktu chalon2 yang hendak bertanding memberi tahu faedah2 dalam contract yang tersebut dalam fasal

(e) cheraian (1) bab 30 ;

(v) Menentukan kawasan2 yang hendak di-wakili oleh tiap2 Majlis Meshuarat Daerah, membahagikan kawasan2 itu menjadi ward pemilihan, menubuhkan Majlis Meshuarat Daerah, menentukan kuasa dan pekerjaan majlis itu, menentukan bilangan ahli2 yang akan di-pilih oleh tiap2 Majlis Meshuarat Daerah menjadi Majlis Meshuarat Negeri dan memutuskan sa-barang masalah yang terbit tentang keahlian bagi mana2 Majlis Meshuarat Daerah ;

(vi) Mengeluar dan menghantar balek surat2 yang memerintah di-adakan pemilihan (writ) atau lain2 surat berkenaan dengan mengadakan pemilihan2 ;

(vii) Mengadakan pemilihan2 kerana memilih chalon2 menjadi ahli Majlis Meshuarat Daerah;

(viii) Membuat peratoran berkenaan dengan menerbitkan dan memutuskan soalan2 yang di-terbitkan di-bawah bab 32, dan berkenaan dengan cheraian (3) bab itu menen-

(Lihat muka 5)

Ranchangan lawatan Pesurohjaya Agong

BANDAR BRUNEI — Pesuroh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia, Yang Amat Berhormat the Earl of Selkirk telah sampai di-Brunei pada 8 February ini untuk melawat sa-lama empat hari.

Lord Selkirk telah datang bersama isteri-nya, Lady Selkirk, dan Tuan E.V. Vines, Setiausaha Sulit.

Beliau ia-lah ganti kepada Sir Robert Scott bekas Pesuroh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia yang telah tamat perkhidmatan-nya.

Lord Selkirk itu telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas, oleh Pesuroh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White Duli2 Wazir dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.

Sa-jurus sa-telah sampai beliau telah berangkat ka-Istana Darul Hana kerana mengadap Duli

Yang Maha Mulia bagi kali pertama-nya.

Lord Selkirk telah di-ra'ikan Duli Yang Maha Mulia dalam satu majlis cocktail pada malam itu.

Di-lapangan terbang Lord Selkirk telah memeriksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari satu pasukan Polis Brunei dan pancharagam Polis.

Barisan itu telah di-ketuai oleh A.S.P., Tuan Stephen Liew.

Antara tempat2 yang di-lawati oleh Lord Selkirk pada hari kedua lawatan-nya ka-Brunei ialah bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin SOAS College dan pantai Jerudong.

Pada hari Rabu beliau telah menaiki kapal terbang khas ka-Seria untuk memerhatikan keadaan perusahaan minyak Negeri Brunei.

Di-Seria Lord Selkirk telah di-ra'ikan oleh Pengarah sharikat minyak Brunei Shell, Tuan P.M. Linton.

Sa-belum berangkat balek ka-Singapura Lord Selkirk telah sempat melawat ka-Kampung Ayer dan mengunjongi tukang2 perak Melayu.

Beliau telah juga melawat ka-Pejabat Radio Brunei dan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei di-Berakas.

PEPEREKSAAN PERTOLONGAN CHEMAS

SERIA — Sa-ramai 21 orang pemuda dan pemudi telah lulus ujian pertolongan chemas Palang Merah yang di-adakan di-sini baharu2 ini.

Mereka itu ia-lah antara 25 orang yang telah masuk peperiksaan, dan jumlah ini ia-lah yang sa-habis besar semenjak lima tahun yang lalu.

Peperiksaan telah di-uruskan oleh Dr. A.W. Johnson yang telah di-bantu oleh Dr. Cant.

Sa-belum peperiksaan di-adakan sharahan2 sa-lama 3½ bulan telah di-beri oleh Dr. MacLean.

2 Melayu di-hukum kerana menchuri 2 botol whisky

SERIA — Dua orang Melayu yang telah menchuri dua botol whisky dari sa-buah rumah di-sini telah di-hukum penjara sa-lama enam bulan oleh Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe.

Mereka itu ia-lah Razali bin Morni dan Abdul Rahman bin Yusof, yang telah di-tudoh menchuri whisky pada pukul 2.30 pagi 31 January lepas.

Kedua yang di-tudoh itu telah mengaku salah.

Dalam keterangan di-mahkamah orang2 itu di-katakan telah

Lima hari sa-minggu

BANDAR BRUNEI — Sekolah pengembang ugama Kristian, St. Andrew Anglican Mission School di-sini sekarang mengadakan kelas hanya lima sahaja dalam sa-minggu.

Perchubaaan ini telah berjalan semenjak awal bulan ini.

masuk ka-rumah itu kerana hendak menchari sa-orang kenalan mereka tetapi mereka telah menchuri whisky tersebut.

Tatkala menjatuhkan hukuman magistrate telah di-beri tahu bahawa Abdul Rahman telah tiga kali berbuat salah dan Razali dua kali.

Lumba perahu Hari Raya

BANDAR BRUNEI — Lumba perahu akan di-adakan pada hari kedua Hari Raya Puasa tahun ini di-Sungai Brunei mengikut keputusan yang di-ambil oleh Brunei Rowing Club dalam mesuarat-nya pada 9 February.

Hanya perahu2 yang menggunakan pengayoh sahaja akan di-benarkan mengambil bahagian.

Butir2 ranchangan perlumbaan kerana menyambut Hari Raya itu akan di-umumkan kelak.

LAWATAN KA-PUSAT TANAMAN



Lebeh 50 orang penghulu dan ketua2 kampung dari Brunei dan Temburong telah di-undang ka-pusat perchubaaan tanaman Luahan dalam minggu lepas.

Padi telah di-tugal berturut2 sa-lama tiga tahun di-kawasan tersebut.

Penghulu2 dan ketua2 itu semua-nya bersetuju bahawa chara yang di-anjorkan oleh pejabat tanaman itu menjamin keselamatan tanah dan merengankan kerja menyediakan tanah untuk di-tugal.

Perchubaaan itu bukan hendak mengubah penanaman padi daripada sawah kepada padi tugal tetapi ia-lah untuk menunjukkan kepada petani2 yang tidak mempunyai sawah bahawa hasil yang baik boleh di-dapati jika mengikut chara yang telah di-jalankan di-Luahan itu.

Pejabat tanaman akan menugal padi lagi dalam tahun ini di-tempat itu juga.

Hasil-nya akan di-saksikan pula oleh penghulu2 dan ketua2 kampung dari Tutong dan Belait.

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI SA-PENOH-NYA

(Dari muka 4)

tukan orang atau badan yang akan memutuskan soalan2 itu;

(ix) Menetapkan ma'ana dan tempat perbicharaan bagi kesalahan2 yang berhubung dengan pemilihan tersebut dan menetapkan hukuman2 bagi-nya, termasuk hukuman menghilangkan kebolehan sa-saorang yang kena mengena dengan kesalahan itu menjadi ahli Majlis Meshuarat Negeri atau ahli Majlis Meshuarat Daerah atau hak-nya di-daftarkan sa-bagai pengundi atau hak-nya mengundi dalam pemilihan2 ;

(x) Sharat2 yang menghilangkan hak untuk di-pilih sa-bagai ahli2 Majlis Meshuarat Negeri atau ahli Majlis Meshuarat Daerah bagi mana2 orang yang memegang atau memegang, mana2 jawatan yang menimbulkan tanggung jawab bagi, atau berhubung dengan chara menjalankan mana2 pemilihan atau menyusun atau menyemak mana2 daftar pengundi2.

(2) Terta'alok kepada bab ini surat perintah yang ada sekarang, sa-belum di-mansuhkan oleh penguasa yang berkuasa memansuhkan-nya di-bawah perlembagaan ini akan terus berjalan kuat kuasa-nya pada hari sa-lepas daripada permulaan kuat kuasa perlembagaan ini atau mana2 bahagian-nya, ia-itu dengan apa2 pindaan yang di-buat kepada-nya oleh surat perintah yang di-buat menurut bab ini atau oleh mana2 undang2 bertulis.

(3) Sunggoh pun apa yang terkandung dalam perlembagaan ini, Majlis Meshuarat Negeri yang ada sa-belum perlembagaan ini berjalan kuat kuasa-nya ada-lah terus mempunyai kuasa yang berkenaan dengan membuat undang2 dan berkenaan dengan menguruskan kerja Kerajaan sa-hingga berjalan kuat

kuasa bahagian V, VI dan VII.

(4) Di-dalam bab ini, "surat perintah yang ada sekarang ini" bermakna undang2 (Enactment), undang2 tambahan, undang2 bandar (by-law), perishtihaan perintah, kebenaran (lesen dan permit) dan lain2 kertas yang berkuasa sa-bagai undang2 atau yang di-keluarkan menurut undang2 dan maseh berjalan kuat kuasa-nya pada hari keluaran perintah yang di-buat mengenai-nya.

(5) Perintah yang di-buat di-bawah bab ini boleh di-pinda atau di-batalkan oleh perintah yang di-buat di-bawah bab ini juga dan boleh juga di-mulakan kuat kuasa-nya pada tarikh sa-belum perintah itu di-buat asalkan tidak terdahulu daripada hari perlembagaan ini di-siarkan dalam Warta Kerajaan.

81. (1) Peguam Negara akan menasihati tentang perkara2 undang2 yang berkait dengan hal awhal negeri yang di-susul kepada-nya oleh Sultan, atau oleh kerajaan menerusi Setiausaha Kerajaan.

(2) Peguam Negara akan mempunyai kuasa yang boleh di-jalankan dengan pertimbangan sendiri untuk mula menjalankan atau memberhentikan mana perbicharaan kerana kesalahan sa-lain daripada :

(a) Perbecharaan di-hadapan shariah dengan terta'alok kepada mana2 undang2 bertulis yang berlawanan ;

(b) Perbicharaan di-hadapan mahkamah tentera.

Dalam menjalankan kuasa ini, Peguam Negara tiada boleh di-perintah atau di-suruh oleh sa-siapa atau mana2 penguasa.

(3) Peguam Negara ada-lah berhak hadir dan berchakap, dan akan mendapat keutamaan dari mana2 orang lain yang hadir di-hadapan mahkamah dalam negeri.

(Bersambung)

Ibu bapa perlu berunding dengan anak

BANDAR BRUNEI — Faedah berunding sudah tentu menimbulkan satu keputusan yang tepat dengan suara ramai dan tiap2 peserta dalam rundingan itu ada-lah di-harapkan patoh pada keputusan itu.

Satu2 shor yang di-kemukakan tidak selalu mesti menang dan di-terima dalam perundingan jika alasan2 yang di-betangkan itu tidak cukup dan menasabah.

Dalam perundingan tata tertib dan sifat sabar mesti-lah berada di-sisi kita bagi mengelakkan suasana yang mungkin menjadi hangat.

Pada sa'at ini soal yang akan di-rundingkan dan yang lebeh perlu dan mustahak ia-lah rundingan antara ibu-bapa dan anak2.

Anak pemuda dan pemudi yang ingin maju ka-hadapan hendak-lah berunding dengan ibu bapa sa-belum mengambil satu2 langkah yang mereka fikirkan sesuai untuk mereka.

Walau pun pelajaran kita lebeh dari ibu bapa kita tetapi orang tua itu maseh jadi tongkat untuk memandu kita ka-jalan yang mulia dan bahagia.

Membelakangkan orang tua sangat salah dari segi pemandangan masyarakat. Orang tua kita akan berasa kechewa jika di-tinggalkan di-belakang.

Tidak harus kita berfikir yang kita ini sudah cukup pengetahuan dan ta' payah di-pimpin lagi. Ini ada-lah perasaan yang sengkat.

Ibu-bapa sa-balek-nya pula mesti-lah bersedia menerima cha-

dangan anak2-nya untuk di-rundingkan supaya chita2 mereka itu berjaya dengan berkat perundingan.

Anak2 hendak-lah di-beri tanggung jawab bersuara atas nasib mereka sendiri.

Sa-bagai ibu bapa, kita mesti bertimbang rasa kapada anak

dan kita bersyukur yang anak itu tidak membelakangkan kita malahan berkehendakkan pertolongan kita.

Orang tua suka sa-kali mendahulukan adat apabila mereka merundingkan satu2 perkara. Mereka itu berpegang pada pepatah "biar mati anak jangan mati adat."

Akan tetapi dalam zaman atom ini kemajuan anak ada-lah lebeh penting dari adat.

Biar-lah adat itu di-sesuaikan dengan kepentingan dan kemajuan anak dengan mengadakan perundingan yang berchorak saling mengerti antara ibu bapa dan anak2. (HH)

UGAMA TUNTUT PERGAULAN UNTUK KEBAJIKAN BANGSA

BANDAR BRUNEI—Pergaulan untuk kebajikan masharakat ada-lah di-tuntut oleh ugama dengan ayat suchi yang menyeru kita berchampur dan berbaik2 antara satu sama lain.

Pergaulan bukan-nya perkataan yang sengaja di-gubah untuk persesuaian alam tetapi ia-lah perkataan yang telah tua ia-itu di-chipta oleh nenek moyang kita di-abad yang lampau.

Dengan itu bererti-lah bahawa perchamporan telah ada semenjak zaman dahulu lagi.

Satu bukti yang terang kenangkan-lah kembali zaman gemilang Nabi Muhammad s.a.w. Beliau telah menggalakkan kaum2 wanita Islam supaya berjuang menentang kedzaliman.

Anak dan isteri junjongan kita itu sendiri telah menyumbangkan tenaga dan semangat dalam perjuangan.

Sa-lain dari itu chuba me-

nongkan ibu kesatria di-negara Hang Tuah ia-itu Tun Fatimah. Beliau mengambil peranan besar dalam peperangan Melaka melawan Portugis.

Kira-nya wanita tidak menseuaikan diri di-dalam pergaulan sudah tentu nasib burok akan menimpa kaum wanita. Dari perchamporan kita akan dapat meluaskan pengetahuan dan pengalaman.

Satengah2 orang mengatakan bahawa pergaulan antara laki2 dan perempuan menyentuh undang2 ugama, sa-terus-nya merosakkan masharakat.

Pendapat yang demikian terbit dari pelajaran ugama yang tipis dan kurang menggunakan fikiran. (Mala Mas).

PERASAAN BANTU MEMBANTU MUSTAHAK

BANDAR BRUNEI. — Kalau kita perhatikan dalam negeri kita ini tentulah kita dapati bangsa asing-lah yang lebeh maju dalam apa lapangan jua.

Bilangan bangsa asing yang terkaya tidak kurang. Mereka itu hidup mewah dan senang.

Sebab2 mereka itu terkaya dari kita bangsa Melayu ia-lah mereka itu berperasan suka saling bantu membantu antara satu dengan lain dan tidak mau mementingkan kesenangan dan kemewahan diri sendiri sahaja.

Puncha yang menyebabkan kemundoran ekonomi bangsa Melayu itu ia-lah bangsa Melayu maseh ada yang suka mementingkan diri sendiri.

Sa-orang Melayu yang telah kaya itu berikhtiar dengan sa-daya upaya-nya untuk menambah kekayaannya lagi.

Mereka itu tidak mengindahkan bangsa-nya yang miskin dan hidup melarat. (AAA).

Perkhemahan pandu puteri

BANDAR BRUNEI. — Pandu Puteri Bandar Brunei akan mengadakan perkhemahan tahunannya di-Jerudong sa-lama tiga hari mulai 25 February ini.

Manusia perlu mengabdikan diri kapada masharakat

BANDAR BRUNEI — Sa-bilang manusia yang hidup pesti mempunyai tujuan supaya hidup-nya tidak siasia saperti kapal yang belayar di-tengah lautan dengan tidak mengetahui ka-mana hala-nya.

Kapal yang bergerak dengan mesti akan terapong2 di-tengah2 gelap ka-dasar laut itu.

Sa-orang yang tidak menginsafi untuk apa ia hidup akan hidup di-dalam kegelapan yang menyenggong keamanan masharakat.

Seruan2 masharakat dan pedoman2 chara hidup telah banyak di-fikirkan oleh sarjana2 yang sentiasa menchari jawapan terhadap soal hidup.

Mereka itu telah memberi pendapat masing2 semenjak berkurun2 sa-belum tahun Masehi.

Ahli2 falasafah yang hidup beratus2 tahun sa-belum tahun Masehi berpendapat bahawa bahagia atau kesenangan ada-lah satu dari tujuan hidup manusia.

Tetapi kesenangan bukan-lah tujuan yang bulat dari sa-tiap manusia kerana manusia hidup di-dunia ini bukan-nya untuk

tidak berpedoman itu sudah terlautan dan akhir-nya akan tenggelam ka-dasar laut itu.

hanya menchari senang dan kaya sahaja.

Kaya dan senang itu akan bertukar ganti, bagitu juga penderitaan tidak sa-lama-nya menghimpit manusia.

Sa-orang yang hidup itu haruslah mengabdikan diri-nya kapada masharakat. Ia-nya hendak-lah mendahulukan kepentingan masharakat apabila terjadi pertentangan antara diri dengan masharakat.

Hidup bukan-nya sa-kadar untuk bergerak, bernafas, ketawar riang, berduka dan lain-nya yang mendorong sa-saorang itu untuk berbuat kebajikan saperti pendapat ahli2 falasafah.

Amsal hidup yang lebeh penting ia-lah mengikut ajaran ugama ia-itu hidup mengabdikan diri kapada Tuhan dan Rasul, ugama dan tanah ayer. (M. Samsinah).



Delapan orang guru2 pelateh perempuan dari seluroh negeri telah di-pilih masuk ka-maktab latehan guru2 Melayu Brunei pada 1 February ini. Rombongan ini ia-lah yang pertama sa-kali memasuki maktab itu semenjak penubuhan-nya tiga tahun dahulu.

Mereka itu telah bergambar ramai dengan pengetua maktab, Tuan J. Pearce (duduk di-tengah).

Duduk dari kiri: Maisalmah binti M. Daud, Dk. Masurai binti Pengiran Idris, Asmah binti Haji Kahar dan Zaidah binti Umar.

Berdiri dari kiri: Ramni binti Seruji, Dk. Maimunah binti Pengiran Salim, Siti Alam binti Md. Noor dan Normah binti Ali Hassan.

Perlumbaan jalan kaki 7 batu yang pertama

AHLI2 TINJU

BANDAR BRUNEI — Satu perlumbaan jalan kaki sa-jauh 7 batu lebeh kurang anjoran Brunei Sports Club akan di-adakan pada 21 haribulan ini dari pantai Berakas ka-padang besar, Bandar Brunei.

Perlumbaan yang julong2 kali di-adakan itu menerima peserta2 laki2 dan perempuan dari daerah Brunei.

Peserta2 akan di-bahagi ka-pada empat bahagian ia-itu:

- ◆ Junior berumur sa-hingga 16 tahun,
- ◆ Senior berumur sa-hingga 40 tahun,
- ◆ Veteran berumur lebeh dari 40 tahun, dan
- ◆ Perempuan.

Setiausha Sukan Brunei Sports Club, Tuan S. Palaniandy berkata bahawa sa-takat ini lebeh 50 orang laki2 dan perempuan telah mendaftarkan nama untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Peserta2 akan di-lepaskan mengikut bahagian masing2 dan akan di-awasi oleh beberapa orang pengawas atau marshall di-sapanjang jalan antara pantai Berakas dengan padang besar, Bandar Brunei.

Kerana memasoki pertandingan ini bayaran sa-banyak \$1 ada-lah di-kenakan bagi sa-orang peserta yang mempunyai pekerjaan.

Peserta2 yang tidak bekerja di-kenakan separoh bayaran.

Beberapa hadiah akan di-di-beri kepada pemenang2 kelak.

MAJLIS DANSA

BANDAR BRUNEI — Persatuan Bola Sepak Bandar Brunei akan mengadakan majlis dansa di-dewan Civic Centre di-sini pada malam Juma'at 25 February ini.


Majlis itu di-adakan untuk mengutip derma kerana keperluan wang persatuan.

Tiket2 akan di-jual dan telah di-hargakan \$1.50 ber-dua dan \$1 sa-orang.

Beberapa hadiah telah di-beri kepada penari2 yang bernasib baik dalam acara2 dansa tersebut.

Hadiah2 itu di-dermakan oleh sharikat2 perniagaan dan orang2 persaorangan.

Puspa Orkes akan menyumbangkan tenaga-nya dengan nerchuma.



Beberapa pertandingan tinju akan di-adakan di-dewan Community Hall di-sini pada 27 haribulan ini untuk mendapatkan wang kerana kebajikan rumah orang tua.

Ahli2 tinju amateur dari Bandar Brunei dan Seria ada-lah di-jadualkan mengambil bahagian dalam pertandingan2 tersebut.

Pertandingan itu akan di-jalankan mengikut peratoran tinju amateur internasional.

Sa-ramai 10 orang ahli2 amateur dari Bandar Brunei akan datang ka-Seria mengambil bahagian. Mereka itu telah berlateh semenjak bulan December lepas.

Tiket2 kerana menyaksikan pertandingan2 itu akan di-jual di-Seria dan Bandar Brunei.

Kutipan dari jualan tiket2 itu akan di-dermakan kapada rumah orang tua Seria.

Gambar di-atas menunjokkan ahli2 tinju Bandar Brunei dengan jurulateh mereka Tuan S. Palaniandy, bekas johan light-heavyweight Singapura.

Pasokan cricket SOAS menang bagi kali kedua berturut2

BANDAR BRUNEI — Dalam satu perlawanan cricket yang mengembirakan pasokan SOAS College telah mengalahkan satu pasokan yang di-anggap handal di-padang SOAS di-sini pada hujung minggu lepas.

Pasokan kolej itu telah mengalahkan Brunei Town Scratch XI yang terdiri dari orang2 dewasa sa-banyak lima wicket 1 lari.

Pasokan SOAS itu baharu sahaja di-tubuhkan tetapi permainan-nya sa-makin lama sa-makin baik.

Ini ada-lah hasil dari latehan yang di-adakan hampir sa-tiap petang di-bawah pimpinan jurulateh sukan kolej Tuan M.K. Nathan.

Dalam perlawanan itu pasokan SOAS telah menamatkan giliran pukul Brunei Town Scratch setelah mendapat 90 lari sahaja.

Apabila giliran pukul-nya pula tiba SOAS telah menghampiri jumlah lari lawan-nya dalam beberapa minit sahaja.

Pemain2 yang berjaya ia-lah Zainuddin Marsal, 29 lari; Arjuna, 16, Kassim, 12 dan Hari-ram, 10 lari.

AKIBAT KASAR PERMAINAN

BANDAR BRUNEI — Dua orang ahli pasokan bola sepak Pejabat Perubatan telah di-halau keluar dari padang dalam satu permainan di-sini baharu2 ini kerana kekasaran.

Sa-orang dari ahli2 yang di-halau oleh pengadil, Pengiran Salleh, ia-lah kapitan pasokan tersebut.

Pasokan bola sepak Pejabat Perubatan itu telah bermain dengan pasokan Forelanders. Forelanders telah menang 4 gol tidak berbalas.

Pemain2 itu telah di-halau keluar dari padang sa-telah pengadil memberi amaran sa-belum permainan di-mulakan bahawa beliau tidak akan membenarkan kekasaran yang merosakkan semangat kesukanan di-lakukan dalam permainan.

Kajayaan Polis

BANDAR BRUNEI — Pasokan bola sepak Polis Bandar Brunei telah mengalahkan pasokan Workshop P.W.D. satu gol tidak berbalas dalam perlawanan league yang di-langsungkan di-padang besar di-sini dalam minggu lepas.

BERTAMBAH BESAR 4 PAUN

(Dari muka 3)

telah mati di-sebabkan oleh kekurangan udar oxygen.

Perubahan udara ada-lah juga di-katakan menjadi sebab kematian. Dan lagi kolam semen bukan-nya tempat yang biasa di-gunakan untuk memelihara ikan tonggan.

Sungguh pun ikan2 itu makin lama makin besar hidup di-dalam kolam2 tetapi dari segi perkembangan ikan hasil perhubungan itu tidak memuaskan.

Ikan2 itu telah bantut besar-nya dan tidak hidup mengikut jangkaan.

3 KATI SA-TAHUN

Ikan2 tonggan itu boleh besar sa-hingga empat paun atau tiga kati berat-nya dalam sa-tahun jika chara memelihara dan tempat kediaman-nya sesuai.

Pejabat tanaman berpendapat bahawa ikan2 itu boleh hidup dengan baik dan membiak jika di-pelihara dalam kolam2 yang berlainan bagi satu2 jenis.

Sa-lain dari itu anak ikan2 itu jangan-lah terlalu banyak di-lepaskan dalam sa-suatu kolam sa-hingga menyempitkan gerak geri-nya dalam kolam.

Akan tetapi ikan itu boleh juga di-pelihara dalam satu kolam dengan syarat di-lepaskan Chow Hu 50%, Twa Taw Song, 20% dan lain2 jenis 10%. Pertimbangan

ini menjamin hasil yang lebeh baik.

Dalam perhubungan yang telah di-jalankan itu Chow Hu hanya 23% sahaja di-lepaskan dalam kolam yang tidak cukup besar-nya.

Untuk ikan2 itu hidup dengan biak sa-kurang2-nya sa-buah kolam yang 50 kaki persegi besar-nya hendak-lah di-sediakan terlebih dahulu.

Sebab2 ternakan ikan antara petani2 negeri ini tidak begitu berjaya ia-lah kerana ikan sangat senang di-dapati di-negeri ini.

Laut dan sungai2 Negeri Brunei banyak mengandongi ikan yang berbagai2 jenis.

Sawah2 juga mengandongi ikan2 saperti sepat, karok, keli dan lain2 yang di-gemari oleh penduduk2 negeri ini.

MURID2 KALAHKAN PASOKAN GURU2 DARI MAKTAB LATEHAN BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Pasokan bola sepak SOAS College telah mengalahkan pasokan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei di-padang kolej itu 4 gol berbalas 3 pada hari Khamis lepas.

Ini ada-lah kemenangan kedua bagi pasokan kolej yang makin lama makin baik permainan-nya.

Pasokan kolej telah mendapat dua gol dalam pertengahan pertama, tetapi dalam pertengahan akhir pasokan maktab yang telah bermain lebeh baik telah ber-

jaya menjaringkan tiga gol.

Tidak beberapa minit sa-belum permainan tamat pasokan kolej pula telah berjaya menjaringkan dua gol berturut yang menjadikan pasokan itu akhir-nya menang 4 gol berbalas 3.

Gabnor harap Malaya dan Borneo bersatu

SINGAPURA — Gabnor Borneo Utara yang akan bersara, Sir Roland Turnbull, menjangka bahawa satu kerajaan Commonwealth yang besar akan muncul dari persatuan yang di-ujudkan di-antara Singapura, Malaya dan ketiga2 kawasan Borneo British.

Sir Roland telah berucap di-dalam satu pertemuan akhbar di-sini.

Beliau berkata bahawa orang2 yang mempunyai tujuan baik mesti-lah bekerja untuk penyatuan negeri2 yang mempunyai adat resam yang sama dan yang menghormati satu sama lain.

Kata-nya: "Saya akan berasa

bangga jika dalam hayat saya dapat melihat sa-buah negeri commonwealth yang besar muncul dari penyatuan yang di-ujudkan di-antara Singapura, Persekutuan Tanah Melayu dan ketiga2 kawasan Borneo British.

"Satu dari syarat2 yang mesti di-adakan sa-belum persatuan ini di-ujudkan ia-lah negeri2 itu mesti-lah menjadi ahli yang penuh dan sa-taraf.

"Ini dengan terang akan memakan masa yang lanjut. Perkara yang sa-macam ini tidak boleh di-ujudkan dengan mengejut."

Menurut fikiran Sir Roland, halangan kepada persatuan yang besar ini ia-lah "perasaan shak wasangka di-antara bangsa2, ia itu akibat kejadian2 di-negeri China semenjak tahun 1949.

Sir Roland berharap agar orang2 China memberi sumbangan yang besar kepada sa-barang negeri yang mereka duduki dan juga mengaku ta'at setia kepada negeri itu.

PERSIDANGAN WANG MALAYA DAN BORNEO

KUALA LUMPUR — Satu persidangan untuk mengulangkaji perjanjian wang antara Malaya, Singapura United Kingdom dan negeri Borneo British telah di-adakan di-sini dalam minggu lepas.

Rombongan perwakilan Brunei telah di-ketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Paduka Haji Ibrahim.

Ahli2 rombongan itu terdiri dari Pegawai Kewangan Negeri, Tuan M.D.B. Graham, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun dan Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Md. Daud.


Berikutan dengan kemerdekaan Malaya dalam tahun 1957, Kerajaan Persekutuan telah berfikir bahawa ia patut mempunyai suara yang lebeh tentanø pengeluaran wang.

Sa-lain dari itu wang2 yang di-keluarkan itu kebanyakan-nya beredar di-Malaya yang menggunakan hampir dua pertiga dari wang yang di-keluarkan.

Persetujuan menghapuskan penyeludupan chandu

KUALA LUMPUR — Malaya dan 10 buah negara2 Asia yang lain telah menchapai persetujuan saling mengerti untuk menghapuskan penyeludupan dan pengeluaran madat sa-chara haram.

Ini telah di-nyatakan di-awal bulan ini oleh Penolong Pengarah Jabatan Chukai, Inche Wan Hamzah bin Haji Wan Mohamed yang telah menjadi pemerhati bagi pehak Malaya di-Persida-



Lord Selkirk, Pesuruh Jaya Agong British bagi Tenggara Asia telah mengunjungi Sultan Omar Ali Saifuddin College di-sini sa-masa melawat ka-Brunei baharu2 ini. Gambar ini menunjukkan Lord Selkirk memerhatikan murid2 dalam kelas kesenian tangan sekolah tersebut.

BANTUAN PERCHUMA UNTUK EKONOMI MELAYU S'PURA

SINGAPURA — Ada-lah di-umumkan dengan rasmi-nya dalam bulan ini bahawa kerajaan Singapura akan memberi bantuan perchuma dengan serta merta kepada penuntut2 Melayu yang sedang belajar di-sekolah2 tengkatan menengah dan university.

Bantuan2 ini ia-lah untuk semua penuntut2 Melayu yang lahir di-Singapura atau ibu bapa-nya raayat Singapura dan penuntut2 itu belajar di-sekolah2 menengah kerajaan atau di-sekolah2 menengah bantuan kerajaan.

Pengumuman itu menyatakan bahawa penuntut2 yang belajar di-University Malaya dan penuntut2 yang akan masuk belajar di-

sana akan mendapat pelajaran dengan perbelanjaan kerajaan.

Pengumuman itu menambahkan: Oleh kerana perubahan2 untuk menguatkan kedudukan ekonomi orang2 Melayu akan memakan masa yang lama langkah2 yang serta merta mesti-lah diambil untuk menguatkan kedudukan mereka bertanding dalam masyarakat umum-nya dan dalam lapangan ekonomi khas-nya.

"Masa'alah sekarang ia-lah meluaskan peluang2 yang terbuka kepada orang2 Melayu untuk belajar di-sekolah2 menengah dan tinggi.

Jabatan kementerian kewangan akan mengeluarkan butir2 keterangan berkenaan dengan rancangan baharu untuk meluaskan bidang jawatan2 bagi orang2 Melayu dalam lapangan perniagaan.

Mengikut rancangan ini sharikat2 perniagaan boleh meminta daripada kerajaan bantuan wang yang cukup untuk perbelanjaan latihan2 pekerjaan2 atau teknik di-luar negeri bagi pekerja2 Melayu atau bagi mereka yang akan di-ambil bekerja.

Surat2 khabar dapat amaran

JAKARTA. — Kerajaan Indonesia telah mengawasi dengan lebeh rapi lagi surat2 khabar di-dalam republik itu.

Satu perintah jabatan penerangan mengumumkan bahawa surat2 khabar dan wakil2 berita tempatan akan di-kehendaki memenahi beberapa syarat di-masa hadapan sa-belum mereka dibenarkan membeli kertas surat khabar.

Satu dari perintah2 ini men-sharatkan bahawa pertubohan2 akhbar mesti-lah menyokong pendirian politik Presiden Soekarno ia-itu dasar pokok Kerajaan Indonesia.

ngan madat antara bangsa di-Lahore, Pakistan yang telah memakan masa sa-lama sa-minggu.

Inche Wan Hamzah berkata bahawa persidangan ini ia-lah julong2 kali di-adakan dan telah di-anjorkan oleh Interpol ia-itu Pertubohan Polis Sa-Dunia dengan permintaan Jawatankuasa Perubahan Bangsa2 Bersatu.

Jawatankuasa ini berasa bimbang atas penjualan2 madat sa-chara haram di-Asia.

Inche Wan Hamzah berkata: Kami telah berunding dengan sa-chara berterus terang atas berbagai2 perkara yang bersangkutan dengan penyeludup2, pengeluaran2 dan wakil2 penjual madat.

Soal ini tidak berapa sulit di-Malaya sa-bagaimana yang terjadi dua tahun dahulu. Sekarang perkara ini di-kawal dengan baik dan penyeludup2 sentiasa di-buru.

Dermasiswa Colombo

SINGAPURA — Kerajaan Australia telah menawarkan empat biasiswa di-bawah rancangan Colombo kepada penuntut2 Singapura, Malaya, Sarawak, Brunei dan Borneo Utara untuk menuntut 'ilmu2 perubatan.

PENYIASATAN PERMULAAN SHELL DI-DATARAN GUNONG SIAM

BANGKOK — Sharikat minyak Shell akan menjalankan penyiasatan permulaan untuk menchari minyak di-dataran gunung Korat di-timor laut Siam dalam masa dua bulan yang akan datang ini.

Ini telah di-nyatakan oleh Tuan Sinclair, pengarah kawasan Shell dalam satu pertemuan akhbar di-Bangkok pada hujung minggu lepas.

Sa-kira-nya penyiasatan itu memberi harapan, satu penyiasatan penuh akan di-jalankan kelak.

Sementara itu, Perdana Menteri Siam, Tuan Sarit Thanarat, telah mengesahkan bahawa kebenaran telah di-beri kepada sharikat Shell untuk menyiasat sumber2 minyak di-timor laut Siam.

Perdana Menteri itu telah juga menyatakan bahawa beliau telah berunding dengan Tuan Sinclair tentang rancangan mendirikan sa-buah kilang pemberseh minyak untuk kerajaan Siam yang akan di-dirikan oleh sharikat minyak Standard.

Sharikat minyak Standard telah pun menanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Siam untuk mendirikan sa-buah kilang pemberseh minyak yang boleh menerima 35,000 tong minyak dalam sa-hari.